

RM1.2b atasi banjir Klang

>>Oleh Nurul Ekhwan Haque
Fazlul Haque

ekhwan@hmetro.com.my

SHAH ALAM: Sebanyak RM1.2 billion diperlukan untuk menjalankan projek tambatan banjir bagi mengatasi masalah itu yang sering berlaku di Klang.

Bagaimanapun, kerajaan negeri melalui Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) hanya meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk melaksanakan projek berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan negeri, Ronnie Liu berkata, sembilan projek tambatan banjir sudah mula dilaksanakan di beberapa tempat di



RONNIE...banyak faktor banjir di Klang

Klang dan tujuh projek jangka disiapkan tahun ini manakala dua lagi pada Mac 2013.

Katanya, kejadian banjir yang sering berlaku di Klang disebabkan beberapa faktor, antaranya permukaan muka bumi Klang yang lebih ren-

dah dari paras laut menyebabkan air yang memasuki kawasan rendah tidak dapat mengalir keluar.

Selain itu, hujan lebat yang berlaku selain pertembungan hujan dengan paras air laut pasang menyebabkan kejadian banjir berlaku di daerah berkenaan.

"Sikap orang ramai yang mengambil jalan mudah dengan membuang sampah di dalam saluran air memburukkan lagi keadaan setiap kali hujan lebat kerana saluran longkang akan tersumbat," katanya ketika menjawab soalannya daripada M Manoharan (DAP-Kota Alam Shah) dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), di sini, semalam.

Manoharan dalam soalnya bertanyakan langkah

yang diambil kerajaan negeri bagi mengatasi masalah banjir di Klang dan apakah sebab berlakunya banjir di daerah berkenaan.

Selain itu, beliau juga mahu mengetahui bilakah masalah banjir kilat di Klang akan diatasi kerajaan negeri.

Dalam soalan tambahannya, Manoharan juga ingin tahu adakah ketiadaan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK) menjejaskan operasi menangani banjir di Klang.

Ronnie berkata, jawatan Yang Dipertua MPK yang kini dipangku sejak setahun lalu tidak mendatangkan masalah terhadap operasi menangani banjir di Klang.

Katanya, pemangku jawatan Yang Dipertua kini menjalankan tugas dengan baik.